

Gantung tugas empat jurulatih, sedia buat permohonan maaf secara terbuka APM kesal insiden baling ular

Oleh SAHLIZAH MOHAMED dan JULIA ISMAIL

KUALA LUMPUR – Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menyatakan kekesalan mereka terhadap insiden peserta kem bina diri melibatkan sekumpulan murid sekolah rendah dibaling ular ketika ujian bina diri di kawasan pejabat APM Kuala Kangsar pada Sabtu lalu.

Menurut Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) APM, Datuk Selamat Dahalan (**gambar kecil**), beliau sendiri terkejut apabila melihat rakaman itu dan ia adalah di luar jangkannya.

“Tindakan ini (mencampakkan ular) telah melanggar peraturan operasi prosedur standard (SOP) dan ia menjadi satu kesalahan.

“Insiden ini telah mencemar-

kan nama baik APM yang sedang dibina selepas penjenamaan semula agensi ini,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Dalam kejadian Sabtu lalu, klip video berdurasi dua minit itu memaparkan sekumpulan pelajar perempuan diarahkan memasuki sebuah kolam air yang terdapat ular di dalamnya.

Klip video itu turut memperlihatkan seekor ular tiba-tiba dicampakkan ke dalam kolam itu menyebabkan sekumpulan murid-murid menjerit ketakutan

Selamat berkata, empat orang jurulatih tersebut telah digantung tugas buat sementara waktu sehingga siasatan selesai.

Tambahnya, rakaman itu pula dibuat bertujuan untuk menilai dan membuat ‘post-mortem’ program dan akan menyiasat untuk mengetahui bagaimana klip video tersebut boleh men-



ROSLAN (dua dari kanan) bersama anggota termasuk jurulatih APM terlibat (tutup muka) melihat kolam digunakan oleh murid-murid dalam program latihan bina diri yang mencetuskan kontroversi dibaling ular di Kuala Kangsar semalam.

jadi viral di laman sosial.

Sementara itu di **Perak**, Timbalan Pesuruhjaya APM negeri, Roslan Wahab berkata, pihaknya

bersedia membuat permohonan maaf berhubung kejadian yang menimpa murid-murid tersebut.

Kata beliau, pihaknya turut



KERATAN Kosmo! semalam.

mengakui berlakunya pelanggaran SOP dalam program itu.

“Kami sudah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa, guru serta pelajar terlibat dan mereka dalam keadaan baik.

“Sekiranya perlu membuat permohonan maaf, kita akan lakukan secara terbuka kerana kesilapan telah berlaku walaupun itu bukan niat kami,” katanya.

Roslan pada masa sama turut berharap masyarakat memberi peluang dan kepercayaan kepada anggota APM di seluruh negara dalam melakukan latihan di bawah kendalian jabatan itu di kawasan mereka.

Kosmo
20/10/16
mls 17